

Pengaruh Jangkaan Ibu Bapa terhadap Kepuasan Keibubapaan dalam Kalangan Ibu Bapa di Sabah

**Abdul Adib Asnawi
Agnis Sombuling**

Fakulti Psikologi dan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Jangkaan dan kepuasan merupakan dua bidang yang berbeza, namun ia dilihat saling berkaitan. Maka, objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa di Sabah. Selain itu, kajian ini turut mengkaji perbezaan ibu dan bapa terhadap kepuasan keibubapaan. Sampel kajian ini terdiri daripada golongan ibu dan bapa, dan pemilihan sampel dijalankan secara rawak yang melibatkan dua daerah sekitar Kota Kinabalu dan Beaufort. Seramai 210 orang responden yang terdiri daripada 97 orang bapa (46.2%) dan 113 orang ibu (53.8%) terlibat dalam kajian ini. Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada 3 bahagian iaitu a) demografi responden, b) maklumat berkaitan jangkaan ibu bapa dan c) maklumat berkaitan kepuasan keibubapaan. Bagi pengukuran jangkaan ibu bapa, Parent Comparison Level Index (PCLI) telah digunakan, sementara pengukuran kepuasan keibubapaan pula menggunakan Parent Satisfaction Scale (PSS). Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan Ujian regresi mudah dan Ujian-t sampel bebas melalui IBM SPSS versi 21.0. Hasil analisis menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan antara jangkaan ibu bapa dengan kepuasan keibubapaan dengan menyumbang sebanyak 34.6 peratus varians. Hasil daripada kajian ini secara tidak langsung memberikan impak khususnya bagi golongan ibu bapa, di mana ibu bapa dapat menetapkan jangkaan yang tidak terlalu optimistik dan realistik yang tinggi apabila memasuki alam keibubapaan agar kepuasan dalam keibubapaan dapat dicapai.

Kata Kunci: Jangkaan, Kepuasan, Keibubapaan
SAPJ Code: 2030

Pengenalan

Ibu bapa merupakan golongan terpenting bagi sebahagian besar anggota masyarakat. Ibu bapa juga merupakan satu jawatan tanpa perlantikan rasmi dari sesiapa (Rusnani Abdul Kadir, 2000). Selaras dengan itu, kajian-kajian terdahulu melaporkan peranan ibu bapa adalah sesuatu yang bernilai dan menjadi dambaan bagi kebanyakan individu (Langdridge, Connolly, & Sheeran, 2000). Hal ini mungkin boleh dikaitkan dengan ahli keluarga yang dimiliki sekarang khususnya ibu bapa dalam sesebuah keluarga itu memberikan suatu pengalaman positif dan menyeronokkan serta galakan kepada generasi baru untuk memiliki keluarga sendiri dan seterusnya menjadi seorang ibu bapa yang sukses seperti mereka.

Apabila seseorang individu telah menjadi ibu bapa, maka mereka akan bertanggungjawab ke atas tindakan yang mereka ambil (Pace & Zapulla, 2009, 2011). Ini termasuklah juga aspek yang berkaitan dengan jangkaan dan kepuasan dalam keibubapaan. Jangkaan dan kepuasan merupakan dua bidang yang sering menjadi tumpuan para psikologi dan sosiologi dalam menjalankan kajian yang berkaitan dengannya. Apakah itu jangkaan? dan apakah itu kepuasan? Adakah jangkaan dan kepuasan ini mampu memberi impak kepada kehidupan manusia khususnya dalam aspek keibubapaan?

Jangkaan dijelaskan sebagai suatu piawai (*standard*) di mana ianya merujuk kepada perbandingan antara masa dengan hasil yang diterima oleh seseorang sama ada ianya positif ataupun negatif (Conner-Spady, Sanmartin, Johnston, McGurran, Kehler, & Noseworthy, 2011). Menurut Conner-Spady et al., (2011), jangkaan juga merupakan kepercayaan pada diri seseorang mengenai formula yang berkaitan dengan masa depannya.

Sementara, Seginer (2009) pula menjelaskan jangkaan adalah berhubung dengan masa depan yang merujuk pada rancangan, aspirasi dan ketakutan pada perkara yang difikirkan kemungkinan berlaku dalam kehidupan sama ada dalam masa terdekat ataupun pada masa hadapan. Manakala Suhaimi-Aidan dan Benbenishty (2011), jangkaan pada masa hadapan adalah sesuatu yang penting dalam kitaran sepanjang hidup manusia dan ianya juga penting dalam masa-masa krisis dan transisi. Misalnya, dari seorang yang bergelar suami isteri melalui transisi menjadi seorang ibu bapa.

Dari sudut jangkaan ibu bapa, berdasarkan beberapa kajian lepas menjelaskan bahawa ibu bapa yang mempunyai latar belakang yang pelbagai akan mempunyai perbezaan dari segi jangkaan dan persepsi (Conner & Nelson, 1999). Kenyataan yang hampir sama dikeluarkan oleh Tsironi, Bovaretos, Tsoumakas, Giannakopoulou, dan Matziou (2012) menerusi kajiannya yang menjelaskan ibu bapa dengan perbezaan latar belakang sosio-budaya mempunyai pengalaman, kepercayaan, persepsi, jangkaan dan keperluan yang berbeza-beza mengikut budaya. Manakala, Liu dan Wang (2015) dalam kajiannya pula menerangkan bahawa jangkaan yang tinggi mencipta stres yang tinggi dalam keibubapaan bagi ibu bapa di China dan sebaliknya pula, apabila ibu bapa mempunyai jangkaan yang rendah.

Berdasarkan kajian lepas, jangkaan ibu bapa mempunyai peranannya yang tersendiri dan ianya mampu memberi impak ke atas kepuasan keibubapaan. Kepuasan secara amnya dilihat dapat membantu mewujudkan kehidupan yang sempurna dan tenteram kepada individu (Uysal & Cirlak, 2014). Pengukuran kepuasan keibubapaan telah bermula sejak tahun 1970an lagi (Carpenter & Donohue, 2006). Menurut Carpenter dan Donohue (2006), terma bagi kepuasan keibubapaan telah digunakan untuk menggambarkan sama ada kepuasan dalam peranan keibubapaan atau kepuasan ibu bapa terhadap anak-anak. Relevan kepada peranan keibubapaan, Mouton dan Tuma (1988) menjelaskan kepuasan keibubapaan sebagai perasaan ibu bapa terhadap kepuasan hati atau kepuasan berhubung dengan tanggungjawab ibu atau bapa terhadap anak.

Sementara, Johnston dan Mash (1989 dalam Carpenter & Donohue, 2006) melaporkan kepuasan keibubapaan merupakan kualiti yang memberi kesan dalam aspek keibubapaan. Manakala, Pridham dan Chang (1989 dalam Salonen, Kaunonen, Astedt-Kurki, Jarvenpaa, Isoaho, & Tarkka, 2011) pula menjelaskan kepuasan keibubapaan didefinisikan sebagai satu keseronokan atau kepuasan yang berhubung terus dengan peranan keibubapaan. Ini termasuklah perasaan puas yang diperolehi daripada tugas menjaga anak, bagaimana ibu bapa tahu mengenai anak mereka, dan mengetahui takat jangkaan sendiri yang sesuai sebagai seorang ibu bapa.

Secara ringkasnya, jangkaan dan kepuasan merupakan dua bidang yang berlainan tetapi ianya saling berkaitan antara satu sama lain. Ia boleh diumpamakan bagai isi dengan kuku di mana ia saling mempunyai perkaitan dan signifikan dalam kebanyakan kajian yang telah dijalankan. Namun begitu, kajian yang berkaitan dengan jangkaan ibu bapa dan kepuasan keibubapaan adalah masih kurang dijalankan, dan sekiranya ada, kebanyakan kajian yang dilakukan adalah mengkaji dua bidang ini (jangkaan dan kepuasan) secara berasingan. Sekiranya ada kajian yang mengkaji pengaruh jangkaan dengan kepuasan ini, ianya tidak secara terus tertumpu kepada jangkaan dan kepuasan dalam bidang keibubapaan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan dalam keibubapaan dalam kalangan ibu bapa di Sabah.

Selain itu, dalam kajian ini terdapat juga kajian lain yang turut dijalankan oleh pengkaji di mana ianya dilihat berdasarkan kepada faktor demografi iaitu perbezaan ibu dan bapa terhadap kepuasan keibubapaan. Menurut Seginer (2009) jangkaan masa hadapan bagi wanita muda adalah lebih kepada berorientasikan keluarga, sementara lelaki muda pula lebih kepada berorientasikan kerjaya. Kenyataan ini sekaligus menjelaskan bahawa wanita akan mempunyai tahap kepuasan tinggi dalam keibubapaan berbanding dengan lelaki. Kenyataan ini disokong oleh Spanier dan Lewis, (1980, dalam 1989) yang menjelaskan

wujudnya perbezaan tahap kepuasan keibubapaan mengikut jantina walaupun perbezaan tersebut pada nilai atau kadar yang kecil.

Metodologi

Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Ia bertujuan untuk mengkaji pengaruh jangkaan ibu bapa dengan kepuasan keibubapaan. Selain itu, dalam kajian ini juga turut mengkaji perbezaan antara ibu dan bapa terhadap kepuasan keibubapaan. Dalam kajian ini, seramai 210 orang sampel ibu bapa telah dipilih secara rawak untuk menjawab borang soal selidik. Pemilihan sampel dalam kajian ini berdasarkan beberapa ciri yang telah ditetapkan iaitu merupakan seorang suami atau isteri dan mempunyai anak. Selain itu, masih berada dalam hubungan perkahwinan yakni bukan seorang yang telah bercerai (duda atau janda) atau telah kematian pasangan (balu). Hal ini kerana sekiranya sampel kajian tidak diperincikan sedemikian, faktor sampingan boleh mempengaruhi sedikit sebanyak dalam responden memberikan respon.

Satu set borang soal selidik telah digunakan oleh pengkaji, di mana borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Bahagian A berkaitan dengan maklumat-maklumat demografi yang dibina oleh pengkaji sendiri bersesuaian dengan kehendak kajian seperti jantina, tempat asal, jenis pekerjaan dan status pekerjaan pasangan. Bahagian B pula mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan jangkaan ibu bapa. Pada bahagian ini, pengkaji telah menggunakan satu set borang soal selidik *Parent Comparison Level Index* (PCLI) yang telah diperkenalkan oleh R. Waldron-Hennessey dan R. M. Sabatelli (Perlmutter, Tauliatos, & Holder, 2001b). PCLI adalah berasaskan pada proses interpersonal yang dijelaskan melalui perspektif pertukaran sosial (*social exchange perspectives*), dengan memfokuskan pada peranan jangkaan dan proses perbandingan yang dimainkan dalam menilai sesuatu hubungan dan ianya sesuai digunakan bagi golongan ibu bapa (Thibaut & Kelley, 1959 dalam Perlmutter, Tauliatos, & Holder, 2001a). Instrumen PCLI mengandungi dua subskala iaitu ganjaran (*reward*) dan kos (*cost*). Keseluruhan item yang terdapat di dalam instrumen PCLI ini mengandungi sebanyak 40 item. Skor dalam PCLI ini melibatkan pemarkatan skala 7-poin *Likert* (bagi skala 1, 2, dan 3 merujuk kepada "teruk daripada yang saya jangkakan", 4 merujuk kepada "seperti yang saya jangkakan", 5, 6, dan 7 merujuk kepada "lebih daripada yang saya jangkakan").

Bahagian C pula adalah mengandungi soalan-soalan yang mengukur kepuasan keibubapaan. Satu set borang soal selidik *Parent Satisfaction Scale* (PSS) yang telah diperkenalkan oleh C. F. Halverson dan H. P. Duke (Perlmutter et al., 2001b). PSS adalah satu instrumen yang mengukur kepuasan yang berkaitan dengan peranan keibubapaan (Perlmutter et al., 2001a). Instrumen PSS mengandungi tiga subskala yang terdiri daripada "seronok dalam keibubapaan" (*pleasure of parenting*), "bebanan dalam keibubapaan" (*burden of parenting*) dan "penting dalam keibubapaan" (*important of parenting*). Jumlah keseluruhan item yang terkandung dalam instrumen ini adalah 30 item. Terdapat item positif dan negatif. Bentuk skor yang telah digunakan dalam PSS ini juga adalah menggunakan pemarkatan skala 7-poin *Likert* (1 – selalu tidak setuju, 2 – biasanya tidak setuju, 3 – kadangkala tidak setuju, 4 – neutral, 5 – kadangkala setuju, 6 – biasanya setuju, 7 – selalu setuju). Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS *Statistics* versi 21.

Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, seramai 210 orang responden ibu bapa telah dipilih menjadi subjek kajian. Hasil daripada analisis deskriptif menunjukkan seramai 97 orang (46.2%) adalah golongan bapa dan selebihnya 113 orang (53.8%) adalah golongan ibu (SP = .4997, M = 1.538).

Sementara, seramai 84 orang (40%) berasal daripada bandar dan 126 orang (60%) berasal daripada luar bandar (SP = .4911, M = 1.600). Seterusnya, dari segi jenis pekerjaan ibu bapa, seramai 85 orang (40%) bekerja kerajaan, 58 orang (28%) bekerja swasta, 25 orang (12%) bekerja sendiri dan 42 orang (20%) tidak bekerja (SP = 1.1487, M = 2.110). Terakhir dari segi pekerjaan pasangan, seramai 152 orang (72%) yang pasangannya bekerja dan selebihnya iaitu 58 orang (28%) yang pasangannya tidak bekerja (SP = .4594, M = 1.278). Hasil deskriptif secara keseluruhan ini ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Statistik deskriptif bagi keseluruhan responden dalam jantina, tempat asal, jenis pekerjaan dan pekerjaan pasangan

Pembolehubah	Kekerapan (N = 210)	Peratusan (%)	Sisihan Piawai (SP)	Min (M)
Jantina				
Lelaki (bapa)	97	46.2	.49974	1.5381
Perempuan (ibu)	113	53.8		
Tempat asal				
Bandar	84	40	.49107	1.6000
Luar bandar	126	60		
Jenis Pekerjaan				
Kerajaan	85	40	1.14872	2.1100
Swasta	58	28		
Bekerja sendiri	25	12		
Tidak bekerja	42	20		
Pekejaan pasangan				
Bekerja	152	72	.45943	1.2775
Tidak bekerja	58	28		

Seterusnya hasil analisis inferensi bagi ujian regresi mudah untuk melihat pengaruh (jangkaan ibu bapa) dan Ujian-t sampel bebas untuk melihat perbezaan (ibu dan bapa) yang wujud antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah terikat (kepuasan keibubapaan) dilaporkan seperti di bawah.

Keputusan ujian regresi mudah menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan antara jangkaan ibu bapa ($f = 110.19$, $p < .05$) terhadap kepuasan keibubapaan dengan menyumbang sebanyak 34.6 peratus varians ($R^2 = .346$). Hasil ini juga menunjukkan peningkatan jangkaan ibu bapa akan memberi pengaruh ke atas kepuasan keibubapaan. Hasil dapatan kajian diperincikan dalam jadual 2.

Jadual 2: Pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan

Kepuasan Keibubapaan	R	R ²	df	f	Sig.
Jangkaan Ibu bapa	.588	.346	1	110.19	.000
			208		

$k < .05$

Keputusan Ujian-t sampel bebas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap kepuasan keibubapaan ($t = .108$, $k > .05$). Ini kerana tidak terdapat perbezaan yang ketara antara lelaki (min = 5.24) dan perempuan (min = 5.23) dalam kepuasan keibubapaan. Maka dengan itu, hipotesis alternatif yang menjelaskan

terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap kepuasan keibubapaan adalah ditolak. Dapatan kajian diperincikan dalam Jadual 3.

Jadual 3: *Perbezaan ibu dan bapa terhadap kepuasan keibubapaan*

Kategori	N	Min	Sisihan		df	t	Sig.
			Piawai				
Lelaki (bapa)	97	5.24	.551		210	.108	.914
Perempuan (ibu)	113	5.23	.525				

k>.05

Perbincangan

Pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan antara jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan. Pengaruh yang wujud menunjukkan bahawa sekiranya jangkaan ibu bapa meningkat, maka kepuasan keibubapaan juga akan meningkat. Hal ini kerana jangkaan ibu bapa menyumbang kepada kepuasan keibubapaan sebanyak 34.6%.

Pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan boleh dijelaskan dengan menggunakan Teori Efikasi Kendiri oleh Bandura (1997). Teori ini telah diperkembangkan daripada Teori Kognitif Sosial yang juga diperkenalkan oleh Bandura (1986). Menurut Bandura (1997), efikasi kendiri boleh didefinisikan sebagai perasaan seseorang individu terhadap kebolehan untuk menguruskan sesuatu tugas dengan efektif dan berjaya. Bandura juga menjelaskan bahawa efikasi kendiri memberi kesan kepada seseorang dalam membuat pilihan keputusan, cara tindakan usaha serta ketabahan melaksanakan tugas. Pentingnya efikasi kendiri bagi ibu bapa kerana ibu bapa yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi akan memiliki perasaan bahawa mereka berkebolehan untuk melakukan tugas keibubapaan. Apabila ibu bapa merasakan dirinya boleh melaksanakan tugas keibubapaan, maka mereka akan lebih tekun dan bertekad untuk mencapai jangkaan serta mahir dalam tugas tersebut (Dennis & Faux, 1999). Bahkan dikatakan juga, individu yang mempunyai kekuatan efikasi kendiri sentiasa berusaha untuk mencapai objektif dan lebih komited jika dibandingkan dengan individu yang rendah efikasi kendirinya (Nur Hayati, Rostini, & Ramlah, 2013). Perkara yang sama berlaku dalam konteks pengaruh jangkaan dan kepuasan ibu bapa, di mana efikasi kendiri yang dimiliki oleh ibu bapa dapat membantu mereka melaksanakan tugas keibubapaan untuk mencapai jangkaan yang telah ditetapkan yang akhirnya memberi pengaruh atau kesan terhadap kepuasan dalam keibubapaan.

Hasil keputusan ini adalah selari dengan kajian-kajian lepas di mana jangkaan sememangnya mempunyai kesignifikan yang kuat terhadap aspek kepuasan. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan pada pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan dan hasil keputusan menunjukkan bahawa jangkaan ibu bapa mempunyai pengaruh terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa, di mana jangkaan ibu bapa menyumbang sebanyak 34.6 peratus varians kepada kepuasan keibubapaan. Berdasarkan hasil kajian lepas Jamiah et al., (2013) yang menegaskan ketidakcapaian jangkaan berkaitan secara langsung dengan tahap kepuasan yang rendah. Sebagai contoh, apabila tahap jangkaan ibu bapa adalah sama dan mencapai seperti apa yang dijangkakan, ini akan menyumbang kepada kepuasan dalam perkahwinan dan seterusnya dalam aspek keibubapaan. Namun sebaliknya berlaku, sekiranya tahap jangkaan ibu bapa tidak mencapai jangkaan seperti yang mereka jangkakan, ianya akan menyebabkan mereka tidak mencapai kepuasan dalam perkahwinan (Rumaya, Tsen, Siti Nor, 2007) dan begitu juga dalam aspek keibubapaan. Donny et al., (1998 dalam Kaki, Afshariniya, & Kakabaraei, 2013) menjelaskan jangkaan ibu bapa sememangnya penting kerana ia membentuk kesan-akibat dan kepuasan

pada hubungan perkahwinan serta keibubapaan pada masa hadapan. Oleh itu, jangkaan ibu bapa penting kerana ianya mempengaruhi apa yang sebenarnya berlaku dalam hubungan. Bahkan, Azizi, Mohd Hajib Ghaffar, Yusof, & Adibah (2010) menjelaskan jangkaan manusia juga dikatakan dapat memotivasikan seseorang untuk mencapai apa yang dikehendakinya dan apabila kehendak individu tersebut dapat dicapai, ia akan menghasilkan kepuasan pada diri seseorang.

Perbezaan antara ibu dan bapa terhadap kepuasan keibubapaan

Hasil analisis menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap kepuasan keibubapaan. Ini kerana hasil menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara antara ibu dan bapa terhadap kepuasan keibubapaan.

Hasil kajian adalah selari dengan dapatan oleh Salonen et al., (2011) yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kumpulan ibu dengan kumpulan bapa dalam kepuasan keibubapaan. Terdapat beberapa kajian lepas yang boleh menjelaskan mengapa tiada perbezaan jantina terhadap kepuasan keibubapaan. Antaranya, Malone (2011) menjelaskan peranan jantina bagi lelaki dan perempuan digunakan secara jelas di mana lelaki memfokuskan pada pekerjaan berbayar dan perempuan memfokuskan pada penjagaan keluarga. Namun dalam beberapa dekad ini, lelaki dan perempuan dilihat semakin memberi memfokuskan kepada kedua-duanya iaitu kerja dan keluarga. Selain itu, bapa secara tradisionalnya dijangka memainkan peranan sebagai pencari nafkah (*breadwinner*) dan tidak sesuai dalam menjalankan tugas mengasuh anak setiap hari (Gerson, 1997). Namun begitu, ianya berbeza dengan gambaran dan realiti pada masa kini. Di mana, seseorang bapa yang dikatakan sukses dan baik pada masa kini adalah bertentangan dengan persepsi mengenai bapa (bapa hanya memainkan peranan sebagai pencari nafkah dan tidak terlibat dalam mengasuh anak) (Furstenberg, 1991 dalam Lamanna & Riedmann, 2009, p. 270) iaitu bapa bukan sahaja bertanggungjawab menjadi sumber kewangan yang utama untuk keluarga tetapi juga aktif terlibat dalam penjagaan anak (Crosby, Williams, & Biernat, 2004).

Bukan itu sahaja, bahkan gaya asuhan bapa juga mempunyai peranannya yang tersendiri (Culp, Schadle, Robinson, & Culp, 2000), dan terbukti bahawa gaya asuhan bapa memberi kesan yang berbeza terhadap perkembangan anak-anak (Amla, Zahara, Zuria, & Abd. Azizi, 2010). Ini secara tidak langsung dapat menjelaskan bahawa bukan ibu sahaja yang terlibat dalam tugas mengasuh anak seperti dalam kebanyakan kajian lepas, tetapi bapa juga turut terlibat dalam tugas tersebut. Ini sekaligus membuktikan bahawa tiada perbezaan kepuasan keibubapaan mengikut jantina. Ini dikuatkan lagi dengan kemunculan model asuhan bapa selepas model-model asuhan ibu bapa yang lain (Baumrind 1971 dalam Amla et al., 2010). Hal ini kerana, terdapat sebilangan bapa memilih untuk melibatkan diri dalam asuhan secara lebih efektif dalam meningkatkan peranan mereka terhadap asuhan anak (Amla et al., 2010). Model asuhan bapa yang dibangunkan oleh Lamb et al., (1987; 1985 dalam Mc Bride, Schoppe, & Rane, 2002) dianggap dapat memberikan satu pengertian yang baik dalam pengukuran penglibatan bapa yang selama ini agak sukar dan kabur untuk difahami khususnya dalam aspek penglibatan bapa dalam keibubapaan (Mc Bride et al., 2002; Finley & Schwartz, 2004). Ini secara tidak langsung merupakan satu langkah awal yang baik dalam pengukuran penglibatan bapa dan juga sebagai pengukuran kepada kepuasan bapa dalam keibubapaan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan terdapat pengaruh antara jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan. Hasil kajian menunjukkan sekiranya jangkaan ibu

bapa itu meningkat, maka ia juga akan menyumbang kepada peningkatan kepuasan keibubapaan. Justeru, jangkaan dilihat menjadi satu elemen penting sebelum seseorang memasuki alam keibubapaan. Melalui jangkaan, ibu atau bapa akan mencapai kepuasan dalam keibubapaan sekiranya jangkaan yang telah ditetapkan mampu dicapai. Namun, sebaliknya akan berlaku sekiranya jangkaan tersebut tidak mampu untuk dicapai. Melalui dapatan kajian ini, diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pihak-pihak yang berkenaan serta mereka yang mempunyai hubungan secara langsung dengan keibubapaan seperti golongan ibu bapa khususnya, bidang psikologi dan sosiologi, serta masyarakat secara amnya. Selain itu, kajian ini dilihat penting juga kerana ibu bapa perlu mengetahui dan meletakkan jangkaan yang bersesuaian dengan keadaan atau situasi agar jangkaan yang dibina seharusnya tidak terlalu optimistik dan realistik bagi mengelakkan kekecewaan yang melampau, dan akhirnya mampu memberi kesan serta menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti penceraian, pengabaian, penderaan dan sebagainya. Saranan dalam kajian ini, memandangkan pengkaji hanya menumpukan kepada satu faktor demografi sahaja iaitu jantina, bagi melihat perbezaan ibu dan bapa terhadap kepuasan keibubapaan, maka pengkaji menyarankan agar kajian yang akan datang perlu mengambil kira faktor-faktor lain seperti etnik, tempoh perkahwinan, jumlah anak dan lain-lain lagi. Hal ini bagi melihat sejauhmana ianya mampu memberi pengaruh ke atas kepuasan keibubapaan.

Rujukan

- Amla Salleh, Zahara Aziz, Zuria Mahmud, & Abd. Aziz Mahyuddin. (2010). Peranan Bapa dalam Pembangunan Sahsiah Remaja dan Implikasinya Terhadap Nilai Kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan, 35*(2), 9-17.
- Azizi Yahaya, Mohd Hajib Ghaffar Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Adibah Abdul Aziz. (2010). Tinjauan amalan keibubapaan dari perspektif anak-anak keluarga miskin di Mukim Balang Muar, Johor. *Jurnal Pendidikan, 20*(3), 43-53.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action*. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1997). *Social foundation of thought and action: A social cognitive theory*. New Jersey: Prentice Hall.
- Carpenter, A. & Donohue, B. (2006). Parental satisfaction in child abuse and neglect: A review of standardized measures. *Journal of Aggression and Violent Behavior, 11*, 577-586.
- Conner, J. M., & Nelson, E. C. (1999). Neonatal intensive care: Satisfaction measure from a parent's perspective. *Journal of Pediatrics, 103*(1), 336-349.
- Conner-Spady, L.B., Sanmartin, C., Johnston, H. G., McGurran, J. J., Kehler, M., & Noseworthy, W. T. (2011). The Importance of Patient Expectation as a determinant of Satisfaction with Waiting Times for Hip and Knee Replacement Surgery. *Journal of Health Policy, 101*, 245-252.
- Crosby, F. J., Williams, C. J., & Biernat, M. (2004). "The Maternal Wall". *Journal of Social Issues, 60*(4), 675-682.
- Culp, R. E., Schadle, S., Robinson, L., & Culp, A. M. (2000). Relations Among Parental Involvement and Young Children's Perceived Self Competence and Behavioral Problems. *Journal of Child and Family Studies, 9*(1), 27-38.
- Dennis, C., & Faux, S. (1999). Development and Psychometric testing of the breastfeeding self-efficacy scale. *Research in Nursing and Health, 22*, 399-409.
- Gerson, K. (1997). *No Man's Land: Men's Changing Commitments to Family and Work*. New York: HarperCollins, Basic Books.

- Jamiah Manap, Arena Che Kassim, Suzana Hoesni, Salina Nen, Fazilah Idris, & Fatimah Ghazali. (2013). The purpose of Marriage Among Single Malaysian Youth. *Journal of Social and Behavioral Sciences*, 82, 112-116.
- Kaki, A., Afshariniya, K., Kakabaraei, K., & Tahmasebian, A. H. (2013). Prediction of marriage expectation based on information processing styles among university students. *Journal of Economy, Management and Social Science*, 2(12), 1018-1021.
- Lamanna, A. M. & Riedmann, A. (2009). *Marriages and Families: Making Choices in a Diverse Society* (10th ed.). United States of America: Thomson Learning Inc.
- Langdridge, D., Connolly, K., & Sheeran, P. (2000). Reasons for wanting a child: A network analytic study. *Journal of Reproductive and Infant Psychology*, 18, 321-338.
- Liu, L. & Wang, M. (2015). Parenting stress and harsh discipline in China: The moderating roles of marital satisfaction and parent gender. *Journal of Child Abuse and Neglect*, 43, 73-82.
- Malone, A. K. (2011). *Mother's Perceptions of Work-Family Conflict and The Relationship To Positive Parenting and Parental Satisfaction*. Published doctoral dissertation thesis, Iowa State University, Ames, Iowa.
- McBride, B. A., Schoppe, S. J., & Rane, T. R. (2002). Child characteristics, parenting stress, and parental involvement: Father versus Mother. *Journal of Marriage and the Family*, 64, 998-1011.
- Mouton, P. Y., & Tuma, J. M. (1988). Stress, locus of control, and role satisfaction in clinic and control mothers. *Journal of Clinical Child Psychology*, 17(3), 217-224.
- Pace, U., & Zapulla, C. (2009). Identity processes and quality of emotional autonomy: The contribution of two development tasks on middle-adolescents' subjective well-being. *Identity: International Journal of Theory and Research*, 9, 323-340.
- Pace, U., & Zapulla, C. (2011). Problem behavioral in adolescence: The opposite role played by insecure attachment and commitment strength. *Journal of Child and Family Studies*, 20, 854-862.
- Perlmutter, F. B., Tauliatos, J., & Holden, W. G. (2001a). *Handbook of Family Measurement Techniques: Abstracts* (Vol. 2). United Kingdom: Sage Publication LTD.
- Perlmutter, F. B., Tauliatos, J., & Holden, W. G. (2001b). *Handbook of Family Measurement Techniques: Instruments & Index* (Vol. 3). United Kingdom: Sage Publication LTD.
- Rumaya Juhari, Tsen, I., & Siti Nor Yaacob. (2007). Pengaruh personaliti ke atas kualiti perkahwinan responden Cina di Sandakan, Sabah. *Borneo Research Journal*, 1, 219-235.
- Rusnani Abdul Kadir. (2000). *Pendidikan Keibubapaan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Salonen, A. H., Kaunonen, M., Astedt-Kurki, P., Jarvenpaa, L. A., Isoaho, H., & Tarkka, M. T. (2011). Effectiveness of an internet-based intervention enhancing Finnish parents' parenting satisfaction and parenting self-efficacy during the postpartum period. *Journal of Midwifery*, 27, 832-841.
- Seginer, R. (2009). *Future orientation: Developmental and ecological perspectives*. New York: Springer.
- Suhaimi-Aidan, Y. & Benbenishty, R. (2011). Future expectations of adolescents in residential care in Israel. *Journal of Children and Youth Services*, 33, 1134-1141.
- Tsironi, S., Bovaretos, N., Tsoumakas, K., Giannakopoulou, M., & Matziou, V. (2012). Factor affecting parental satisfaction in the neonatal intensive care unit. *Journal of Neonatal Nursing*, 18, 183-192.
- Uysal, G. & Cirlak, A. (2014). The expectation related to nursing and the satisfaction level of the parents of the children who have acute health problems. *Journal of Social and Behavior Sciences*, 152, 435-439.